

## Bantu ringankan bebanan keluarga mangsa banjir Kampung Jawa, Kampung Tengah

# Matahari sumbang peralatan sekolah



CHANG Hong Seong (belakang, tengah) dan Daing Nasir Ibrahim (belakang, lima dari kanan) bergambar bersama kanak-kanak yang menerima peralatan sekolah sumbangan Matahari di Kampung Tengah, Kuantan, Pahang, kelmarin.

Oleh SITI NORIZAT SHIKH  
ABDUL JALIL  
utusanktr@gmail.com

**KUANTAN** 1 Jan. - Seramai 47 kanak-kanak di Kampung Tengah dan Kampung Jawa yang dilanda banjir kilat minggu lalu menerima kelengkapan persekolahan daripada Persatuan Wanita Universiti Malaysia Pahang (Matahari) semalam.

Sumbangan itu disampaikan oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Teruntum, Datuk Chang Hong Seong dan dihadiri Naib Canselor Universiti Malaysia Pahang (UMP), Prof. Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim, Presiden Matahari, Prof. Madya Dr. Mimi Sakinah Abdul Muaim dan Ketua Kampung Tengah, Hazman Jaafar.

Mereka menerima sumbangan pakaian sekolah, kasut, beg dan ke-

lengkapan alat tulis.

Menurut **Hong Seong**, pihaknya menyambut baik usaha UMP dalam membantu meringankan bebanan keluarga mangsa banjir terutama dalam membuat persiapan bagi anak-anak memulakan sesi persekolahan esok.

"Walaupun ramai yang kehilangan harta benda semasa bencana itu, kita perlu bersyukur kerana tiada kemalangan jiwa yang dicatatkan di daerah ini," katanya ketika berucap pada majlis tersebut di sini.

Dalam pada itu, **Daing Nasir** berkata, pihaknya berbesar hati kerana turut serta dalam usaha tersebut bagi meringankan beban ditanggung oleh mangsa-mangsa banjir di kedua-dua kampung berkenaan.

"Kejadian itu merupakan satu ujian getir kepada mangsa-mangsa terlibat. Apatah lagi, ia berlaku da-

lam suasana kebanyakan keluarga sedang membuat persediaan bagi anak-anak mereka yang bakal mengikuti penggal persekolahan baharu," katanya.

Justeru, katanya, sebagai sebuah institusi pengajian tinggi yang terletak di daerah ini, UMP terpanggil menunaikan tanggungjawab sosial korporatnya bagi meringankan beban warga kampung tersebut.

"Program yang dijayakan dengan kerjasama Biro Kebajikan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Kampung Tengah itu merupakan komitmen UMP sebagai sebuah agensi kerajaan menyatakan kewujudannya dalam kalangan masyarakat," ujarnya.

Beliau turut menghargai komitmen Matahari yang menyumbangkan khidmat mereka bagi menjayakan inisiatif berkenaan.